

Belum ada aduan ahli langgar kod etika

BH 10 MAR 2000

SUBANG, Khamis – Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno setakat ini belum menerima sebarang aduan mengenai ahli melanggar kod etika perilaku sepanjang kempen menjelang pemilihan parti Mei ini, kata Naib Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga pengerusi jawatankuasa itu berkata, belum ada mana-mana pihak mengemukakan sebarang bantahan terhadap perilaku calon atau wakil mereka sejak kod etika itu diluluskan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 3 Februari lalu.

“Pada waktu ini belum lagi... belum ada mana-mana pihak yang mengemukakan sebarang bantahan mengenainya,” katanya kepada pembicara selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Jakarta di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, hari ini.

Abdullah yang juga menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno ditanya sama adajawatankuasa yang dikedua

tuainya itu sudah menerima sebarang kes ahli melanggar kod etika itu. Kod etika berkenaan dirangka oleh jawatankuasa itu.

Kod etika itu antara lain melarang calon membeli undi atau pencalonan, memberi hadiah kepada perwakilan, menganjurkan atau membiayai kos perjalanan, pengangkutan, penginapan serta makanan bagi perwakilan, mengeluarkan derma atau bantuan kepada perwakilan serta bahagian, menganjurkan scharang perhimpunan, pertemuan dan jamuan yang melibatkan perwakilan.

Pcrwakilan bahagian atau cawangan pula tidak boleh menerima atau meminta sebarang bentuk derma, sumber daripada calon atau wakilnya, tidak boleh menganjurkan pertemuan perwakilan dengan sesorang atau sebilangan calon.

Mana-mana calon yang cuba melanggar kod etika itu, jika didapati bersalah, akan hilang kelayakan bertanding.

Pada pemilihan 1996, enam daripada 6 calon yang layak bertanding kerusi MT digugurkan kerana terbukti terlibat sama ada dengan

politik wang, salah guna kuasa atau melanggar larangan bercampur, seperti terkandung dalam kod etika.

Abdullah berkata, berikutnya itu juga mesyuarat perwakilan Umno Bahagian yang bermula sejak 2 Mac lalu berjalan lancar.

“Tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku. Alhamdulillah, semuanya berjalan dengan baik (setakat ini),” katanya.

Beliau berkata, kes yang dikemukakan kepada jawatankuasa pengurusan dan disiplin Umno setakat ini cuma berkaitan tindakan ahli dalam pilihan raya umum lalu serta mengenai perjalanan mesyuarat peringkat cawangan.

Abdullah bagaimanapun enggan mengulas usaha pihak tertentu untuk membuat pencalonan lain selain Dr Mahathir dan beliau bagi jawatan Presiden atau Timbalan Presiden meskipun MT pada mesyuarat 3 Januari lalu menasihatkan supaya dua jawatan tertinggi itu tidak dipertandingkan.

“Saya adalah salah seorang yang bertanding untuk jawatan itu... jadi tak payah saya komen,” katanya.